

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed



Tak payah tunjuk hebat di jalan raya

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terus mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan kadar kemalangan maut dan meningkatkan tahap keselamatan harta benda rakyat menjelang musim perayaan. Tahun ini sekali lagi polis melancarkan Op Selamat ketiga sempena sambutan Aidilfitri yang berlangsung selama 15 hari bermula 1 Ogos.

Kempen keselamatan jalan raya dan keselamatan harta benda, terutama keselamatan rumah ketika kita pulang ke kampung ini bertepatan Rumah Selamat dan Selamat Sampai ke Destinasi. Kempen sebegini sudah menjadi rutin menjelang musim perayaan yang tidak terhad kepada sambutan Aidilfitri saja. Ia sudah menjadi kempen tetap tahunan dalam kalendar polis walaupun berlaku perubahan dari segi nama dan juga fokus.

Pada masa sama pihak JPJ juga akan melaksanakan Op Hari Raya bermula 1 hingga 18 Ogos dengan memberi penekanan terhadap 146 Kawasan Kerap Kemalangan (KKK) di seluruh negara bagi mengelak kemalangan maut.

Ini bermaksud dua agensi penting iaitu polis dan JPJ akan berusaha keras bagi memastikan kadar kemalangan maut dapat dikurangkan. Malah, kempen Op Selamat juga kali ini buat julung kalinya akan mendapat bantuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Kor Kesihatan ATM akan membantu polis menyediakan bantuan perubatan di semua kawasan rehat dan rawat (R&R) sepanjang lebuhraya.

Walaupun kempen demi kempen diadakan, namun kadar kemalangan dan sikap pemandu kita tetap tidak begitu berubah. Jalan raya dilihat terus bermandikan darah angkara sikap dan etika pengguna jalan raya yang terlalu mementingkan diri, angkuh, leka dan lalai. Akibatnya musim perayaan yang sepatutnya diraikan dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan bersama ahli keluarga sering bertukar menjadi tragedi hitam yang membawa khabar sedih dan mendukacitakan.

Apa yang nyata sikap pemandu dikenal pasti sebagai punca utama kemalangan jalan raya, terutama nahas maut yang berlaku di negara kita. Kemalangan maut seumpama ini dilihat terus meningkat ketika musim perayaan apabila jumlah kenderaan meningkat secara mendadak berlipat ganda.

Dalam hal ini, polis mahupun pihak JPJ hanya mampu meningkatkan tahap rondaan dan penguatkuasaan, namun semuanya masih terserah kepada sikap pemandu itu

sendiri.

Andai kita masih terus degil, angkuh dan ingin tunjuk hebat di atas jalan raya maka kempen mahupun penguatkuasaan seperti ini tetap tidak akan memberi impak yang diharapkan. Persoalan utama yang perlu dirungkai ialah apakah pemandu kita sudah bersedia untuk berubah dan mengurangkan kadar kemalangan terbabit?

Apakah kita bersedia untuk mengorbankan sedikit ego dan keangkuhan kita ketika berada di atas jalan raya dengan memandu secara lebih berhemah, sopan dan bertolak ansur dengan pengguna jalan raya yang lain.

Semua di tangan pemandu

Atau apakah kita akan terus menjadi penyumbang utama kepada peningkatan statistik kemalangan maut di negara kita. Pilihannya sekali lagi di tangan pemandu itu sendiri. Semuanya masih terserah kepada pemandu itu sendiri. Tiada lagi alasan untuk tidak boleh memandu secara berhemah dan bersikap sebagai seorang pemandu yang matang, rasional dan profesional. Cukuplah segala tragedi dan episod sedih yang mewarnai dan menyelubungi masyarakat kita setiap kali menjelang musim perayaan. Memandulah secara berhemah. Jangan lupa kata-kata keramat, satu minit tidak membawa erti andai berakhir dengan tragedi.

Penunggang dan pembonceng motosikal misalnya yang sering menjadi mangsa utama nahas kemalangan maut wajar bertindak mengambil langkah yang lebih berhati-hati dan selamat supaya tidak terus menjadi mangsa. Utamakan keselamatan diri dan jangan terlalu mengharap ihsan daripada pengguna jalan raya lain kerana masing-masing ingin cepat sampai ke destinasi dan tidak ramai yang sanggup bertolak ansur ataupun memberi laluan dengan mudah.

Raikanlah hari lebaran bersama ahli keluarga dengan gembira. Jangan biarkan mereka tangisi kepulangan kita. Perubahan perlu bermula dengan setiap seorang daripada kita.

Walau apapun kita memuji langkah JPJ yang akan melaksanakan sistem kurikulum baru bagi semua sekolah memandu seluruh negara mulai Januari depan. Menurut Ketua Pengarah JPJ, Datuk Ismail Ahmad, sistem itu akan memberi tumpuan dalam meningkatkan etika dan sikap tanggungjawab pemandu ketika memandu.

Penulis Ketua Bahagian Staf Ekstrakurikulum UPM